

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

eJPP

Sistem Pendaftaran Aktiviti HEP & JPP Kolej Komuniti Temerloh

Fairoz binti Jumhat, Mastura binti Mustaffa & Nurul Naim Binti Othman

Kolej Komuniti Temerloh, Bypass Bt 2 Jalan Temerloh, Kg Chatin Ulu, 28400 Mentakab, Pahang Malaysia

Abstrak

Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) Kolej Komuniti Temerloh merupakan unit yang menguruskan Hal Ehwal Pengurusan Pembangunan Pelajar (HEP) yang merangkumi Pengurusan Kebajikan dan Aktiviti Pelajar, Disiplin Pelajar, Hari Suaikenal, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), Sukan dan juga Kelab dan Persatuan. Inovasi portal eJPP KKTm ini terhasil daripada idea permasalahan yang timbul apabila pelajar-pelajar Kolej Komuniti Temerloh (KKTm) sukar untuk mendapatkan info dan maklumat tentang program atau aktiviti yang dianjurkan oleh HEP dan JPP. Apabila sukar untuk mendapatkan info, menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat untuk menyertai program atau aktiviti tersebut terutamanya kepada pelajar-pelajar baru dan kelas-kelas yang tiada wakil JPP dalam organisasi. Tujuan utama inovasi ini dilaksanakan adalah untuk mengatasi masalah sebaran info berkaitan program-program anjuran HEP yang meliputi aktiviti JPP, pertandingan sukan dan aktiviti kelab dan persatuan. Perisian yang digunakan adalah Aplikasi Website Builder Wix. Projek ini mempunyai beberapa menu halaman seperti Laman Utama, Misi & Visi, Organisasi, Aktiviti HEP, Aktiviti Sukan, Program JPP, Hubungi Kami, Forum dan Keahlian. Selain itu, projek ini mempunyai fungsi dua hala dimana admin dan pengguna saling berhubungan secara Live Chat di ruangan forum. Hebahan dan sebaran info ini akan memudahkan pelajar-pelajar menyertai program atau aktiviti yang dirancang sepanjang tahun. Dengan adanya inovasi yang dibangunkan ini, kualiti dan keberkesanan pengurusan HEP dapat ditingkatkan selain dapat membangunkan satu platform info secara berpusat supaya lebih teratur, mudah dan menjimatkan masa.

© 2020 Published by JOJAPS Limited

Key-word: - Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, portal eJPP, aktiviti pelajar

1. Pengenalan

Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) Kolej Komuniti Temerloh merupakan unit yang menguruskan hal ehwal pengurusan pembangunan pelajar. Pengurusan unit ini merangkumi Pengurusan Kebajikan dan Sosial Pelajar, Disiplin Pelajar, Hari Suaikenal, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) dan juga Kelab dan Persatuan. Manakala penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar adalah menjadi perantara di antara pihak pelajar dan pihak pengurusan Kolej Komuniti dalam memastikan masalah dan pandangan pelajar dapat disalurkan dan diambil tindakan yang sewajarnya. Aktiviti –aktiviti yang dirancang oleh JPP perlu melibatkan pelajar lain untuk mengikuti program di bawah kelolaan JPP. Dengan adanya laman web eJPP ini merupakan akses utama untuk menghebahkan info dan saluran berkenaan program-program yang dirancang untuk sepanjang tahun kepada pelajar. Ianya bukan sahaja berkenaan program di bawah kelolaan HEP malahan program-program kelolaan unit JPP juga. Hebahan info melalui laman web ini juga memudahkan pelajar untuk bergiat aktif mengikuti program-program yang dirancang dan memberi maklum balas dengan mudah melalui sistem ini. Menurut Johan (2013), istilah Web 2.0 adalah merujuk kepada generasi kedua World Wide Web yang membolehkan individu dalam talian berkolaborasi dan berkongsi maklumat.

Sejajar itu portal eJPP ini boleh dijadikan platform utama perkongsian maklumat diantara pihak pengurusan HEP dan pelajar. Perisian yang digunakan adalah Aplikasi Website Builder Wix. Projek ini mempunyai beberapa menu halaman iaitu Menu Utama, Daftar Aktiviti, , Daftar Kelab dan Hubungi Kami. Selain itu , projek ini mempunyai fungsi dua hala dimana admin dan pengguna saling berhubungan secara Live Chat di ruangan forum.

2. **Penyataan Masalah**

Inovasi portal eJPP KKTM ini terhasil daripada idea permasalahan yang timbul apabila pelajar-pelajar KKTM sukar untuk mendapatkan info dan maklumat tentang program-program atau aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP). Apabila sukar untuk mendapatkan info, menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat untuk menyertai program atau aktiviti tersebut terutamanya kepada pelajar-pelajar baru dan kelas-kelas yang tiada wakil JPP dalam organisasi.

3. **Objektif inovasi**


- i. mengatasi masalah sebaran info berkaitan program-program anjuran Unit Hal Ehwal Pelajar dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar bagi memudahkan pelajar-pelajar menyertai aktiviti yang dirancang sepanjang tahun.
- ii. memudahkan pelajar mendaftar kelab yang ingin disertai dan mengakses maklumat mengenai aktiviti kelab-kelab yang boleh mereka ikuti.
- iii. membuat pendaftaran secara berpusat dan bersistematik bagi memudahkan pengurusan HEP

4. **Ciri-ciri inovasi**

- Portal eJPP KKTM adalah satu laman web yang boleh dicapai oleh pelajar dan warga KKTM dengan mudah untuk mengetahui tentang aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar di bawah Unit Hal Ehwal Pelajar, HEP. Laman web ini memudahkan semua pihak yang terlibat iaitu pengurusan HEP, JPP dan pelajar-pelajar kolej seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.
- Info secara berpusat dan mudah untuk pelajar mendapat info berkaitan aktiviti pelajar bagi tempoh sepanjang tahun. Rajah 2 menunjukkan paparan menu Daftar Aktiviti yang terdapat di dalam portal ini. Melalui menu ini, pengguna ataupun pelajar dapat melihat keseleruhan perancangan aktiviti yang dimasukkan dalam portal ini bagi memudahkan pelajar mendapatkan maklumat awal untuk merancang mengikuti program.
- Pengisian borang oleh pelajar untuk mengikuti program diisi dengan hanya menaip maklumat di ruangan yang telah disediakan di dalam borang atas talian. Ianya mengambil masa yang sangat cepat dan mudah. Rajah 3 menunjukkan pengisian maklumat pelajar untuk mendaftar aktiviti yang hendak diikuti.
- Perancangan yang sistematik dapat dilaksanakan dari aspek pengurusan aktiviti yang terancang sepanjang tahun.
- Proses penyimpanan rekod adalah dalam bentuk '*soft copy*', tidak memerlukan ruang yang besar dan rekod ini disimpan di dalam '*Google Drive*' dalam satu jangka masa yang lama.
- Proses penghantaran dan pemprosesan borang boleh terus dihantar setelah selesai pengisian data atau maklumat. Ianya tidak akan memakan masa yang lama dan tidak akan berlaku kehilangan borang.
- Pengguna atau pelajar akan mendapatkan maklum balas status permohonan untuk menyertai program dengan kadar segera melalui emel. Rajah 4 menunjukkan contoh pemakluman mengenai pengesahan pendaftaran aktiviti.
- Memudahkan pegawai yang terlibat atau pengarah program mengetahui penyertaan pelajar untuk mengikuti program di peringkat awal dengan mudah. Contohnya pertandingan sukan, program lawatan dan sebagainya.
- Proses carian maklumat pendaftaran pelajar lebih mudah kerana ianya disimpan dalam Google Drive.



Rajah 1: Portal eJPP



Rajah 2 : Paparan Menu Daftar Aktiviti

Sat, 23 Jan | Temerloh Community College

Klinik Woodbal KKTM 2021

Jan Dahari

RSVP

Terbuka kepada semua pelajar Kolej Komuniti Temerloh



Time & Location

23 Jan 2021, 8:00 am – 5:00 pm
 Temerloh Community College, Bypass Batu 2 Jalan Temerloh, Taman Bukit Mentakab, Jln Temerloh - Mentakab, Mentakab, 28400 Mentakab, Pahang, Malaysia

About the Event

Tempat adalah terbuka. Terbuka kepada semua pelajar KKTM.

Masukkan maklumat anda

*Nama *Program & Kelas

*Emel

*No HP

*Alamat Semasa di Kolej

HANTAR

Rajah 3 : Paparan Menu Sertai Aktiviti

Thank you for registering to our event! Inbox x



Klinik Woodbal KKTM 2021 <notifications@wixevents.com>
to me ▾

11:01 AM (5 minutes ago) ☆ ↶ ⋮

Thank you for registering to our event!

We're looking forward to seeing you there.

Here are the event details:

Klinik Woodbal KKTM 2021
 23 January 2021, 8:00 am – 5:00 pm
 Temerloh Community College, Bypass Batu 2 Jalan Temerloh, Taman Bukit Mentakab, Jln Temerloh - Mentakab, Mentakab, 28400 Mentakab, Pahang, Malaysia

[Learn more about this event](#)

[Add to my Google Calendar](#)

↶ Reply ➡ Forward

Rajah 4 : Pengesahan Pendaftaran Aktiviti

5. Metodologi


Perisian yang digunakan adalah Aplikasi Website Builder Wix. Projek ini mempunyai beberapa menu halaman seperti Laman Utama, Daftar Aktiviti, Daftar Kelab dan Hubungi Kami. Selain itu, projek ini mempunyai fungsi dua hala dimana admin dan pengguna saling berhubungan secara Live Chat di ruangan forum. Rajah 1 menunjukkan Portal eJPP yang dilaksanakan bagi tujuan penambaihan sistem pengurusan HEP bagi memudahkan pelajar mendaftar aktiviti yang hendak disertai manakala Jadual 1 menunjukkan Carta Perbatuan Perancangan dan Pelaksanaan eJPP.

Jadual 1: Carta perbatuan menunjukkan perancangan dan pelaksanaan eJPP

AKTIVITI / MASA	JUN 2020				JULAI 2020				OGOS 2020			
	M1	M2	M3	M4	M1	M2	M3	M4	M1	M2	M3	M4
Perbincangan terhadap masalah	■											
Memohon kelulusan jabatan		■										
Perbincangan bersama pengurusan HEP dan JPP		■										
Pengumpulan kertas cadangan aktiviti			■									
Penyusunan program mengikut turutan			■	■								
Pembinaan laman web				■	■	■	■	■				
Ujilari laman web							■	■				
Hebahan mengenai laman web									■	■	■	■
Penambaihan berterusan										■	■	■
Maklum balas kepada pengguna											■	■

6. Cara Operasi

Portal eJPP ini terdiri daripada 4 menu utama iaitu Utama, Daftar Aktiviti, Daftar Kelab dan Hubungi Kami. Rajah 5 menunjukkan proses untuk pelajar mendaftar aktiviti melalui eJPP



Rajah 5 : Proses Daftar Aktiviti

Secara keseluruhannya , terdapat 4 jenis emel yang berkenaan dengan pendaftaran aktiviti iaitu :

- i. Emel pengesahan pendaftaran
- ii. Emel makluman kekosongan kepada senarai menunggu
- iii. Emel peringatan mesra tarikh aktiviti (dihantar sehari sebelum program berlangsung)
- iv. Emel makluman pembatalan aktiviti


7. Perbandingan Sebelum dan Selepas

Inovasi Sebelum Inovasi

Maklumat atau info yang disebarkan kepada pelajar melalui media channel telegram kurang berkesan untuk pelajar mendapatkan maklumat dengan cepat

Pendaftaran melalui person-in-charge program. Pengurusan HEP tidak mendapat info bilangan penyertaan pelajar dalam sesuatu penyertaan program atau aktiviti.

Penggunaan dan penyimpanan data secara manual di dalam fail



Rajah 6 : Hebahan info aktiviti pelajar yang digunapakai melalui *Channel Telegram*

Rajah 6 menunjukkan Hebahan Info aktiviti pelajar yang digunapakai sebelum inovasi dibangunkan iaitu melalui channel telegram di mana penyelaras membuat hebahan secara berasingan.

Selepas Inovasi

Maklumat atau info sebaran secara berpusat melalui portal atau laman rasmi eJPP.

Pendaftaran secara berpusat dan bersistematik

Aktiviti pelajar yang dirancang dapat dilihat secara menyeluruh sepanjang tahun

Penggunaan dan penyimpanan rekod secara dalam talian supaya lebih teratur, mudah dan selamat.

8. Impak Inovasi

8.1 Impak Kepada Organisasi

- Meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan pengurusan Unit Hal Ehwal Pelajar.
- Membangunkan satu platform info secara berpusat supaya lebih teratur, mudah dan menjimatkan masa.

8.2 Impak Kepada Pengguna

- Menjimatkan masa dan tenaga dalam membuat hebahan dan permohonan aktiviti yang dianjurkan oleh HEP dan JPP.
- Mengurangkan penggunaan sumber (kertas & fotostat) kerana tidak perlu mengisi borang secara manual.
- Penyebaran maklumat yang tepat dan selamat.

8.3 Analisis Penilaian Pelajar Terhadap Penggunaan Portal eJPP

Jadual 2 menunjukkan dapatan hasil analisis yang diperolehi berdasarkan penilaian pengguna terhadap penggunaan Portal eJPP. Responden terdiri daripada kumpulan pelajar Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Kolej Komuniti Temerloh. Secara keseluruhan, analisis penilaian menunjukkan peratus sangat setuju dan setuju bagi ke semua aspek yang dinilai terhadap penggunaan Portal eJPP yang dibangunkan ini.

Bil	Aspek Yang Dinilai	Peratus Maklumbalas			
		Sangat setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1.	PORTAL eJPP mudah di akses dan mesra pengguna	59.1%	40.9%	0%	0%
2.	PORTAL eJPP mudah digunakan	63.6%	36.4%	0%	0%
3.	Maklumat program dalam portal e-JPP jelas difahami	63.6%	36.4%	0%	0%
4.	Portal eJPP ini memudahkan saya mendapatkan maklumat berkaitan program pelajar untuk saya sertai	40.9%	59.1%	0%	0%
5.	Portal ini menjimatkan masa untuk saya mendaftar mengikuti program	38.9%	61.1%	0%	0%
6.	Saya bebas untuk meneroka maklumat dalam portal ini	31.8%	68.2%	0%	0%

Bil	Aspek Yang Dinilai	Peratus Maklumbalas			
		Sangat setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
7.	Maklumat dalam portal ini memudahkan saya untuk merancang masa mengikuti program sepanjang tahun	52.4%	47.6%	0%	0%
8.	Portal eJPP ini sangat menarik minat saya untuk mengikuti program	54.5%	45.5%	0%	0%
9.	Saya mendapat maklumbalas pengesahan pendaftaran untuk mengikuti program / aktiviti dengan cepat	59.1%	40.9%	0%	0%

Jadual 2: Analisis Penilaian Pelajar Terhadap Portal eJPP KKTm

9. Cadangan Penambahbaikan

Penggunaan portal eJPP ini di Kolej Komuniti Temerloh masih diperingkat awal. Oleh yang demikian, pelbagai faktor perlu diberi perhatian sebagai penambahbaikan untuk kegunaan pelajar khususnya. Pelbagai menu boleh ditambah seperti Biasiswa dan Kebajikan, Unit Kaunseling dan Kerjaya ataupun Unit Disiplin. Contohnya seperti memuatnaik peraturan disiplin di dalam portal ini. In seterusnya menjadikan portal eJPP ini bukan sekadar untuk platform pendaftaran aktiviti pelajar malahan sebagai saluran info berkaitan hal ehwal pelajar. Selain itu juga penggunaan sistem ini perlu ditambah baik dengan konsep mesra pengguna sebagaimana Davis, Fred D. (1989) yang menyatakan kesenangan penggunaan bagi sesuatu sistem itu mampu mengalakkan seseorang menggunakannya. Oleh itu, sistem sedia ada perlulah dipertingkatkan bagi memastikan keberkesanan penggunaanya di kalangan pelajar.

10. Kesimpulan

Diharapkan sistem yang dibangunkan ini dapat memberi impak yang besar kepada Kolej Komuniti Temerloh dan dapat meningkatkan mutu pengurusan yang sedia ada. Selain itu, dengan adanya sistem ini keciciran maklumat berkaitan penganjuran program dapat diatasi dikalangan pelajar khususnya.

11. Rujukan

Johan @ Eddy Luan. (2013). Pengintegrasian Web 2.0 dalam Pengajaran dan Pembelajaran subjek Sejarah dan Geografi. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi (UMS, 29 – 30 Ogos 2013).
 Davis, Fred D. (1989). "Perceived usefulness, perceived ease of use, & user acceptance of information technology." MIS Quater. 13, pp. 319 – 340.